

feminin

ARKIB : 25/09/2014

Women At Workperkasakan wanita

Oleh NURSYAMIMI SAIDI

Gambar MOHAMMAD ZULKIFLI TAHIR



(Dari kiri) Noraini Ahmad, Shahrizat Abdul Jalil, Norizalina Azhar, Zai Johari dan Noraini Ahmad pada Bengkel W@W, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sering kali kita dengar usahawan wanita tidak kira yang mahu mengusahakan perniagaan secara kecil-kecilan atau besar sukar mendapatkan khidmat nasihat dan sokongan kewangan daripada institusi-institusi berkaitan atas faktor kurangnya pengalaman dan mahu menjalankan perniagaan berisiko tinggi.

Adalah amat penting bagi masyarakat meningkatkan kesedaran bagi membantu golongan itu bebas daripada pelbagai permasalahan berkaitan keusahawanan bagi memperkasa ekonomi wanita agar mencapai matlamat yang disasarkan iaitu memperbanyakkan penglibatan golongan wanita dalam perniagaan.

Atas inisiatif itu, Women at Work (W@W) menjadi platform baharu untuk mendengar permasalahan usahawan wanita terutama dalam hal-hal yang melibatkan polisi, peraturan, intensif serta program yang menyokong pembangunan usahawan wanita bagi menggalakkan peranan kaum wanita dalam rantai nilai ekonomi negara.

Pengerusinya, Datuk Noraini Ahmad berkata, W@W adalah badan bukan kerajaan (NGO) yang berperanan sebagai mata dan telinga usahawan wanita yang ada di negara ini untuk berkongsi idea mengenai perkara-perkara yang dirasakan dapat memperbaiki sistem yang sedia ada.

Program ini juga menjadi wadah untuk memupuk dan memotivasikan usahawan wanita dalam membangunkan serta mencapai skil yang berkaitan untuk menangani cabaran perniagaan bagi mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Langkah proaktif ini dapat mewujudkan usahawan wanita yang kompetitif secara global menerusi inovasi dan kreativiti yang akan dikongsi melalui siri perbincangan yang akan diadakan secara konsisten kepada usahawan-usahawan ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Utusan Malaysia ketika ditemui dalam siri pertama perbincangan Women At Work, Memajukan Usahawan Wanita di bangunan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) baru-baru ini.

Yang turut hadir, Penasihat Khas Pejabat Pembangunan Usahawan Wanita dan Iktisaw Wanita, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Antara ahli panel yang dijemput untuk berkongsi pengalaman dan kejayaan kepada para peserta adalah Pengasas dan Pengarah Urusan Bakawali Couture, Norizalina Azhar, Ketua Pegawai Eksekutif Sasuke Malaysia, Zai Johari, dan Ketua Pegawai Eksekutif Noraini Cookies World Wide Sdn. Bhd., Noraini Ahmad.

Noraini berkata, siri perbincangan yang diadakan tidak memfokuskan kepada sesuatu perniagaan sahaja malah akan cuba melibatkan usahawan daripada pelbagai industri dan memfokuskan kepada lima perkara kritikal dalam permasalahan pengurusan perniagaan iaitu akses pasaran, modal insan, kewangan, teknologi dan informasi.

Hasil daripada perbincangan ini akan dibawa kepada Pejabat Penasihat Khas kepada Perdana Menteri untuk Pembangunan Usahawan dan Iktisaw Wanita supaya kerajaan dapat mengambil tindakan dan penambahbaikan dapat dilakukan," ujarnya.

Tambahnya, setiap perbincangan melibatkan usahawan dari sekecil-kecil perusahaan sehingga mereka yang berjaya melibatkan diri dalam industri eksport.

Selain MATRADE, tiga agensi kerajaan yang terlibat dalam membantu usahawan ialah, Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp.), Majlis Amanah Rakyat (Mara), dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) hadir untuk menjawab secara langsung segala permasalahan yang dihadapi mereka.

Dalam pada itu, Noraini berkata, data dari Bancian 2011 Economic/SME dan Jabatan Statistik menunjukkan bahawa 19.7 peratus dari SME Corp. merupakan perniagaan milik wanita dan ini membuktikan wanita memainkan peranan penting dalam perniagaan dan ekosistem ekonomi negara.

Kami berharap untuk meneruskan lagi siri ini dengan usahawan-usahawan wanita kerana kami mahu mereka tahu bahawa pentingnya peranan wanita untuk memacu ekonomi serta menggalakkan daya hidup ekonomi negara walaupun menghadapi pelbagai cabaran sepanjang jatuh bangun membangunkan perniagaan mereka," jelasnya.

Jadikan iktibar

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Norainis Cookies World Wide Sdn.Bhd., Noraini Ahmad dalam bual bicaranya berkata, dia yang bertekad berhenti kerja kerana ketiadaan pembantu rumah mula tercari-cari kerja apa yang boleh dilakukan untuk mencari sumber pendapatan.

Bermula dengan perniagaan nasi lemak, dan kemudiannya beliau membuat kuih-muih tradisional Melayu, siapa sangka kuih yang dibuatnya menjadi pilihan restoran di sebuah hotel di Petaling Jaya.

Semua proses pada masa itu dilakukan hanya di belakang rumah dengan bantuan 14 orang pekerja. Berbeza dengan kuih kering, kuih basah tidak boleh diagak pengeluarannya serta tidak tahan lama.

Lama kelamaan saya mula menghadapi masalah pekerja, mereka tidak sanggup lagi bekerja pada waktu malam dan saya juga mula memikirkan tentang keluarga, sampai bila saya perlu bekerja begini. Siang tidur, malam pula bekerja.

Mulai saat itulah saya mula berhijrah kepada bisnes biskut raya apabila melihat kepada potensi perniagaan yang mampu menarik lebih ramai pelanggan dan apa yang paling penting ialah tahan lama," katanya.

Bukan selamanya berada di kedudukan atas, Noraini berhadapan dengan kegawatan ekonomi apatah pula, dengan suami yang sudah berhenti kerja serta tidak ada pengaliran wang tunai dalam menguruskan rumah tangga.

Bayangkan bagaimana perasaan pada masa itu apabila kita sudah biasa dengan pendapatan mencecah ribuan ringgit ditambah pula dengan kontena biskut yang tidak terjual, hanya Allah tempat kami menyerah," ujarnya.

Katanya, beliau beralih pula kepada perniagaan kuih bahulu dan kek di bawah jenama Norainis Fresh Bake dan berjaya membuka tapak di Plaza Masalam pada akhir 2000.

Tidak mahu terlalu bergantung kepada kuih sahaja, beliau menambah menu seperti roti jala, aneka laksa, mi, nasi lemak dan akhirnya ia bertukar menjadi kafe kecil.

Dari situ, Noraini mengilhamkan pula Norainis Laksa Paradise dengan menghasilkan 11 produk antaranya asam pedas, kari ikan, sambal tumis, aneka laksa, rendang, mi bandung dan mi kari.

Sedikit demi sedikit mengumpul wang, beliau mengukuhkan kembali perniagaan biskutnya yang terkandas akibat kegawatan ekonomi melalui jenama Norainis Cookies Worldwide Sdn. Bhd. dan sejak itu, mengintai untuk ke pasaran antarabangsa.